

**Oleh Presiden  
Henry B. Eyring**  
Penasihat Pertama dalam  
Presidensi Utama



# Suara Tuhan

Ajaran dan Perjanjian menjemput semua orang di merata tempat untuk mendengar suara Tuhan Yesus Kristus (lihat A&P 1:2, 4, 11, 34; 25:16). Ia mengandungi pesanan, amaran, dan gesaan galakan Yesus Kristus dari wahyu-wahyu kepada para nabi terpilih. Dalam wahyu-wahyu ini, kita boleh dapat melihat bagaimana Tuhan menjawab doa-doa kita yang beriman dengan pesanan-pesanan yang mengandungi arahan, ketenangan, dan amaran.

Dalam doa kita, kita mencarikan perkara yang Tuhan ingin kita lakukan, perkara yang harus kita lakukan untuk mencapai ketenangan dan kegembiraan dalam hidup ini dan dalam hidup akan datang, serta perkara yang berada di masa depan kita. Ajaran dan Perjanjian penuh dengan jawapan-jawapan untuk soalan-soalan seperti ini yang ditanya oleh orang biasa dan oleh nabi-nabi dalam doa yang rendah hati. Ia boleh menjadi satu bimbingan yang berharga untuk mengajar kita untuk menerima jawapan-jawapan kepada soalan-soalan tentang keadaan jasmani dan penyelamatan abadi kita.

Kerendahan hati dan iman kepada Tuhan Yesus Kristus ialah kunci. Oliver Cowdery menerima satu jawapan dari Tuhan mengenai keinginannya untuk memberi bantuan dalam penterjemahan Kitab Mormon: “Ingatlah bahawa tanpa iman kamu tidak dapat melakukan apa pun; oleh kerana itu mintalah dalam iman. Janganlah mempermainkan hal-hal ini; janganlah meminta untuk apa yang seharusnya tidak kamu minta” (A&P 8:10).

Berulang-kali dalam Ajaran dan Perjanjian, Tuhan memerlukan iman dan kerendahan hati sebelum Dia berikan bantuan-Nya. Satu sebab demi ini adalah kerana jawapan-Nya mungkin tidak datang dalam cara yang kita harapkan. Dan jawapan-jawapan-Nya tidak selalunya mudah diterima.

Sejarah Gereja dan pengalaman-pengalaman leluhur kita mengilustrasikan kenyataan ini. Datuk moyang saya Henry Eyring berdo dengan bersungguh-sungguhnya untuk mengetahui tentang perkara yang harus dia lakukan bila dia belajar tentang injil yang sudah dipulihkan pada tahun 1855. Jawapannya datang dalam satu mimpi.

Dalam mimpinnya, dia duduk bersama Elder Erastus Snow dari Kuorum Dua Belas Rasul dan bersama seorang elder bernama William Brown. Elder Snow mengajarkan asas-asas injil selama agak-agak satu jam. Kemudian Elder Snow berkata, “Dalam nama Yesus Kristus saya memerintah anda untuk dibaptiskan dan orang ini {Elder Brown} . . . akan membaptiskan anda.”<sup>1</sup> Keluarga saya bersyukur bahawa Henry Eyring beriman dan berendah hati untuk dibaptiskan pada pukul 7:30 pagi dalam kolam yang berisi dengan air hujan di St. Louis, Missouri, Amerika Syarikat, oleh Elder Brown.

Jawapan bagi doanya tidak datang dari satu suara Tuhan yang dapat didengar. Ia datang sebagai satu penglihatan dan satu mimpi pada waktu malam, seperti yang berlaku kepada Lehi (lihat 1 Nefi 8:2).

Tuhan sudah mengajar kita bahawa jawapan boleh datang sebagai perasaan. Dalam Ajaran dan Perjanjian, Dia mengajar Oliver Cowdery, “Ya, lihatlah, Aku akan memberitahu kamu dalam fikiranmu dan dalam hatimu, melalui Roh Kudus, yang akan datang ke atas dirimu dan yang akan berdiam dalam hatimu” (A&P 8:2).

Dan Dia mengalakkan Oliver dengan berkata: “Adakah aku tidak memfirmankan kedamaian pada fikiranmu mengenai masalah ini? Kesaksian yang lebih besar apakah yang dapat kamu peroleh daripada dari Tuhan?” (A&P 6:23).

Ajaran dan Perjanjian, sejarah Gereja, dan sejarah yang disimpan oleh Henry Eyring pada misinya selepas pembaptisannya mengajar saya bahawa jawapan boleh dirasa sebagai amaran dan sebagai ketenangan juga.

Pada hari bulan April 1857, Elder Parley P. Pratt dari Kuorum Dua Belas Rasul menghadiri satu persidangan di Oklahoma, Amerika Syarikat. Henry Eyring mencatat bahawa “minda Elder Pratt penuh dengan fikiran yang menyedihkan . . . , tidak berupaya untuk membezakan masa depan atau apa cara pun untuk melepaskan diri.”<sup>2</sup> Henry mencatat berita sedih dengan segera selepas kesyahidan Rasul itu. Elder Pratt teruskan perjalanannya walaupun dia berasa bahaya, seperti Nabi Joseph pergi ke Carthage.

Saya bersaksi bahawa Tuhan menjawab doa yang rendah hati dan beriman. Ajaran dan Perjanjian serta pengalaman kita diri sendiri mengajar kita cara untuk mengenali jawapan-jawapan itu dan menerima jawapan-jawapan itu dengan beriman, mahupun jawapan itu satu arahan, satu penetapan kebenaran, atau satu amaran. Saya berdoa bahawa kita selalu mendengari dan mengenali suara Tuhan yang berbelas kasihan.

#### NOTA

1. “The Journal of Henry Eyring: 1835–1902” (manuskrip milik pengarang yang belum diterbitkan).
2. “The Journal of Henry Eyring: 1835–1902.”

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

1. Bertimbang untuk membaca bersama perenggan-perenggan tentang doa dalam pesanan ini. Bila anda membaca, minta ahli-ahli keluarga untuk mendengar dengan teliti tentang cara Tuhan menjawab doa. Bertimbang untuk memberi kesaksian tentang kepentingan doa.

2. Ajaran dan Perjanjian penuh dengan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang ditanya dalam doa. Apa akan berlaku jika jawapan-jawapan kepada soalan-soalan mereka (wahyu) tidak dicatatkan? Galakkan keluarga belajar untuk mengenali dan mengikuti tekanan Roh. Mereka mungkin ingin mencatatkan fikiran-fikiran mereka mengenai doa dalam jurnal mereka.

## REMAJA

### Mendengar Tekanan Roh

Oleh Maria Isabel Molina

**P**ada satu malam, sepupu saya lari dari rumah, saya cepat pergi mencarinya. Bila saya memandu kereta, saya berdoa demi Roh untuk menolong saya. Saya tahu bahawa Tuhan akan menjawab saya dan mengarah saya, dan saya cuba untuk mendengar tekanan Roh. Tetapi bila saya tidak dapat mendengar apa-apa pun, saya mula berasa putus harapan dan berasa Roh tidak mengilhamkan saya.

Walaupun saya hendak pergi lebih jauh dari situ untuk mencarinya, saya berasa saya harus berada di kawasan dekat rumah sepupu saya. Jadi saya buat keputusan untuk memandu di keliling kawasan itu sekali lagi. Bila saya berhenti pada satu persimpangan, saya terlihat satu bayang seorang gadis sedang berjalan kaki. Itu sepupu saya!

Semasa saya keluar dari kereta saya dan lari ke arahnya, saya sedar bahawa Roh sudah mengarah saya dengan menolong saya berasa saya harus berada di kawasan itu. Kerana saya ingin mendengar satu suara yang halus, saya hampir-hampir tidak mempedulikan tekanan Roh. Saya baru faham bahawa banyak kali kita tidak akan dapat mendengar satu suara, tetapi kita akan berasa impresi dalam hati kita.

Saya bersyukur kepada bimbingan Roh. Dia benar-benarnya selalu bersama kita! Seperti yang difirman dalam kitab suci, “Roh Kudus akan menjadi rakanmu terus-menerus” (A&P 121:46).

Jika kita layak demi bimbingan Roh dan kita memberi perhatian, kita boleh menjadi alat dalam tangan Tuhan untuk melakukan kerja baik bagi banyak orang. Dengan teman Roh Kudus yang berterusan, kita akan mengetahui jalan yang harus kita ambil.

### Satu Pengembaraan Doa

**P**residen Eyring mengajar bahawa doa boleh dijawab dalam berbagai cara yang berbeza. Anda boleh mengadakan satu pengembaraan kitab suci untuk mencirikan cara-cara itu.

Carikan ayat-ayat suci berikut. Dalam jurnal anda, tuliskan beberapa perkataan untuk menghuraikan perkara yang berkenaan dengan doa.

Anda juga boleh mencatat dalam jurnal anda tentang pengalaman-pengalaman diri sendiri berkenaan dengan doa dijawabkan.

Yohanes 14:26.

Ajaran Dan Perjanjian 6:22–23.

Ajaran Dan Perjanjian 8:2.

Ajaran Dan Perjanjian 9:8–9.

Amsal 8:10–11.



Iman, Keluarga, Pertolongan

## Kerja Mubaligh

*Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudari yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudari yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri.*

**P**ara Orang Suci Zaman Akhir dihantar “untuk bekerja dalam kebun anggur-Nya demi penyelamatan jiwa manusia” (A&P 138:56), termasuk kerja mubaligh. Kita tidak perlukan satu panggilan misi yang rasmi untuk mengongsikan injil. Hidup orang lain akan diberkat oleh injil yang menyelubungi kita, dan semasa kita menyediakan diri sendiri, Tuhan akan gunakan kita. Para pengajar berkunjung boleh melaksanakan tugas rohani mereka dan menolong “untuk mendatangkan kebaqaan dan kehidupan kekal bagi manusia” (Musa 1:39).

Bila Nabi Joseph Smith mengorganisasikan Lembaga Pertolongan pada tahun 1842, dia berkata bahawa wanita tidak hanya menjaga yang miskin tetapi juga harus menyelamatkan jiwa.<sup>1</sup> Ini masih tujuan kita.

“Tuhan . . . mengamanahkan kesaksian tentang kebenaran kepada mereka yang akan mengongsikan kesaksian itu dengan orang lain,” kata Presiden Dieter F. Uchtdorf, Penasihat Kedua dalam Presidensi Utama. “Lebih lagi, Tuhan harapkan ahli-ahli Gereja-Nya untuk ‘membuka mulut [mereka] di segala waktu, memaklumkan Injil-[Nya] dengan suara sukacita’ (A&P 28:16). . . . Kadang-kala satu frasa kesaksian

boleh memulakan pengaruh terhadap hidup seseorang untuk selama-lamanya.”<sup>2</sup>

### **Dari Tulisan Suci**

Ajaran dan Perjanjian 1:20–23; 18:15; 123:12

### **Dari Sejarah Kita**

Cerita tentang Olga Kovářová dari bekas Czechoslovakia ialah satu contoh tentang kerja mubaligh dari sejarah Lembaga Pertolongan. Pada zaman 1970, Olga seorang pelajar ijazah kedoktoran dan dia inginkan satu kehidupan rohani. Dia memerhati seorang Orang Suci Zaman Akhir, Otakar Vojkůvka yang berumur 75 tahun. “Dia nampaknya berumur tujuh puluh lima tahun tetapi dalam hatinya dia berusia lapan belas tahun dan penuh dengan kebahagiaan,” dia kata. “Ini sangat luar biasa di Czechoslovakia pada waktu sinisisme itu.”

Olga menanya Otakar dan keluarganya bagaimana mereka mendapat kebahagiaan. Mereka memperkenalkan dia kepada ahli-ahli Gereja dan berikan dia satu buku Kitab Mormon. Dia bacakan buku itu dengan ghairah dan kemudian dibaptiskan dan ditetapkan. Semenjak masa itu Olga ialah satu pengaruh yang baik

dalam dunia penindasan politikal dan penganiayaan agama. Dia melayan sebagai presiden Lembaga Pertolongan dalam cabangnya dan menolong untuk menyelamatkan jiwa orang lain dengan membawa mereka kepada Kristus.<sup>3</sup>

### **NOTA**

1. Lihat *Teachings of Presidents of the Church: Joseph Smith* (2007), 453.
2. Dieter F. Uchtdorf, “Waiting on the Road to Damascus,” *Liahona*, Mei 2011, 76–77.
3. Lihat *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 92–95.

### **Apa yang Dapat Saya Lakukan?**

1. Adakan saya ikut tekanan Roh Kudus bila saya mengongsikan kesaksian saya dengan saudari yang saya kunjungi?
2. Bagaimana saya dapat menolong para saudari yang saya kunjungi untuk belajar tentang injil?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org).